

Dr. M tunggu OIC kerana penggunaan dinar emas

Oleh ISMAIL DAUD

SUBANG 28 Jun – Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menangguhkan persaraan sehingga sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) kerana mahu melihat ilhamnya supaya dunia Islam menggunakan dinar emas dalam perdagangan antara-bangsa tercapai.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsudin berkata, hasrat itu adalah antara sebab mengapa Dr. Mahathir memilih Oktober tahun depan sebagai tarikh untuk beliau melepaskan jawatannya.

Dr. Mahathir semasa mempromosikan cadangan itu yakin dinar emas mampu menjadikan

negara-negara Islam lebih berkuasa.

“Beliau (Dr. Mahathir) mahu memastikan dinar emas diterima oleh dunia Islam, sebab itulah beliau begitu menekankan akan bersara selepas sidang kemuncak OIC” katanya ketika ditemui di sini hari ini

● Negara Islam kecewa

Dr. M undur — Muka 2

Abdul Aziz yang merupakan antara orang paling kanan dengan Dr. Mahathir dan bekas Setiausaha Politik Perdana Menteri berkata, beliau menganggap sidang kemuncak OIC itu merupakan medan terbaik untuknya berbuat demikian.

Malaysia akan menjadi tuan rumah buat kali pertama bagi sidang kemuncak tersebut pada

24 dan 25 Oktober 2003. Dr. Mahathir akan mempengerusikan sidang kemuncak itu.

“Begitulah komitmen beliau terhadap penggunaan dinar emas. Beliau mahu ia berjaya,” kata Aziz.

Dinar emas mula menarik perhatian Dr. Mahathir apabila melihat sistem kewangan dunia gagal menangkis serangan spekulator mata wang sehingga menjadikan mata wang banyak negara termasuk Malaysia jatuh secara mendadak.

Beliau yakin dinar emas yang disandarkan kepada nilai sebenar wang dapat membendung kegiatan tersebut dan juga mampu menggantikan penggunaan Dolar Amerika.

Beliau kemudiannya ‘menjaja’

idea dinar emas ke seluruh negara Islam, termasuk semasa lawatannya ke Amerika Syarikat (AS), mengadakan seminar dan berdialog untuk meyakinkan dunia mengenai kelebihan mata wang itu.

Setakat ini, tiga negara Asia Barat bersetuju untuk menggunakan dinar emas dalam urusan perdagangan dengan Malaysia.

Dr. Mahathir juga pernah berkata bahawa pertubuhan seperti OIC dan Bank Pembangunan Islam (IDB) adalah badan yang paling sesuai untuk memperluaskan penggunaan dinar emas.

Selain dinar emas, kata Aziz, Dr. Mahathir juga mahukan Persidangan Pertubuhan Negara-negara Berkecuali (NAM) di Kuala Lumpur Februari ini berjalan lancar dan berjaya.